

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 17

RUANGAN : TENGAH

## Perokok di Pahang kecut perut

KUANTAN -Kurang pemahaman terhadap perintah larangan merokok serta keengganan pemilik premis bekerjasama dalam memberi amaran kepada perokok yang berkuatkuasa pada 1 Januari lalu menyaksikan sebanyak 1,451 notis amaran di keluarkan sepanjang 14 hari penguatkuasaan dijalankan Jabatan Kesihatan Negeri Pahang.

Pengarahnya, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman, berkata, ramai perokok kurang pendidikan apabila membatikan arahan mereka hanya boleh merokok sejauh tiga meter dari premis makanan.

Menurutnya, sejak penguatkuasaan dijalankan pihaknya pada 1 Januari lalu sebanyak 5,181 premis makanan diperiksa pihaknya seluruh negeri.

"Kebanyakan perokok silap tafsir maksud tiga meter itu. Mereka ingat ia tiga meter dari tepi kedai walaupun ada meja dan kerusi diletakkan di luar kedai oleh pemiliknya. Ia berlaku, misalnya di kedai mamak, terutama pada waktu malam.

"Daripada jumlah itu 1,451 kesalahannya dikesan dengan 1,401 pemilik premis diberikan notis amaran kerana tidak mempamerkan tanda larangan merokok.

"Selain itu, pihak kita turut me-



Dr Sha'ari (berdiri, kiri) mengedarkan risalah larangan merokok di kawasan premis kedai makan kepada orang awam di Kuantan, semalam.

ngeluarkan notis amaran kepada 50 individu yang masih ingkar merokok di dalam premis makanan. Sebanyak 17,869 risalah dan nasihat turut dikeluarkan dalam tempoh itu," katanya kepada Sinar Harian selepas melakukan pemeriksaan di premis makanan di Kuantan di sini, semalam.

Menurutnya, perokok dan pemilik premis yang ingkar akan dikenakan kompaun berjumlah RM250 dan sekiranya gagal menjelaskannya boleh dihadapkan ke mahkamah sebaik sahaja tamat tempoh enam bulan itu

"Saya harap pemilik premis makanan memberikan kerjasama yang baik dengan memasang papan tanda amaran merokok mengikut spesifikasi dikeluarkan Kementerian Kesihatan Malaysia...sekiranya mereka nampak pelanggan masih menghisap rokok di kawasan premis, mereka perlu tegur.

"Sekiranya pelanggan tidak mengendahkan maka pemilik premis boleh membuat aduan kepada kita dan pegawai penguatkuasa kita akan ambil maklum dengan kadar segera," katanya.